

2 ¼ jam

BAHASA MELAYU

Kertas 1

TINGKATAN 5


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[30 markah]

Lihat peta minda di bawah dengan teliti. Huraikan langkah-langkah merealisasikan gejala bull sifar di sekolah. Panjang huraian, antara 200 hingga 250 patah perkataan.



[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Kelulusan akademik semata-mata tidak lagi menjadi faktor penentu kejayaan seseorang pelajar setelah mereka meninggalkan institusi pendidikan formal.

Berikan pandangan anda tentang kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar sebagai pelengkap diri untuk memasuki alam pekerjaan.

2. Keberkesanan peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam sesebuah institusi keluarga mampu menangani masalah disiplin dalam kalangan remaja.

Bincangkan.

3. Anda mendapati sungai-sungai di Malaysia masih dalam keadaan yang tercemar. Sehubungan dengan itu, anda selaku pegawai alam sekitar terpanggil untuk menyampaikan sebuah ceramah. Tajuk ceramah tersebut ialah Peranan Masyarakat Dalam Memulihara Sungai-Sungai di Negara Kita.

Sediakan teks ceramah tersebut selengkapnya.

4. Program Pertukaran Pelajar antara negara mendatangkan pelbagai faedah kepada pelajar dan negara yang terlibat.

Huraikan faedah-faedah tersebut.

5. Karya kesusasteraan Melayu mampu melahirkan generasi yang mempunyai semangat patriotik di negara ini.

Berikan ulasan anda.

KERTAS SOALAN TAMAT

(PP)

1103/1

Bahasa

Melayu

Kertas 1

September 2011

2 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 1

TINGKATAN LIMA

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Cawangan Pahang**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak

1. TUJUAN PENGUJIAN

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangandan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

3. KRITERIA PENSKORAN

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan [30 markah]

PERINGKAT / MARKAH	KRITERIA PENSKORAN
CEMERLANG (28 – 30) (26 – 27)	- o Karangan menepati tugasan bahan rangsangan. - o Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - o Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. - o Pengolahan menarik, berkesan, dan idea dihuraikan dengan jelas dan matang.

KEPUJIAN (23 – 25) (20 – 22)	- o Karangan menepati tugasan bahan rangsangan. - o Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas. - o Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - o Pengolahan menarik dan berkesan. - o Idea relevan dengan tugasan dan diuraikan dengan jelas.
MEMUASKAN (17 – 19) (15 – 16)	- o Karangan masih menepati tugasan bahan rangsangan. - o Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum. - o Wacana masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. - o Pengolahan masih menarik. Huraian idea masih jelas.
KURANG MEMUASKAN (12 – 14) (10 – 11)	- o Karangan masih / kurang menepati tugasan bahan rangsangan. - o Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. - o Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. - o Pengolahan kurang menarik. Huraian idea kurang jelas.
PENCAPAIAN MINIMUM (06 – 09) (01 – 05)	- o Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - o Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. - o Pengolahan : Calon tidak menjawab tugasan.

- **Ungkapan Menarik** : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
- Kemungkinan – melangkaui peringkat (lihat pemberatan dalam peringkat)

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU
KERTAS 1 (1103/1)**

BAHAGIAN B

PERINGKAT / MARKAH	KRITERIA PENSKORAN
CEMERLANG 80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	- o Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. - o Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - o Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - o Ejaan dan tanda baca yang betul. - o Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis. - o Laras bahasa sesuai dengan tugas. - o Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - o Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. - o Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai, - o Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
KEPUJIAN 66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	- o Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. - o Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - o Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - o Ejaan dan tanda baca yang betul. - o Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - o Laras bahasa sesuai dengan tugas. - o Penggunaan unsur bahasa <u>masih</u> bervariasi. - o Gaya bahasa <u>masih</u> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

	- o Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai, - o Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
BAIK 51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)	- o Idea <u>masih</u> relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. - o Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - o Penggunaan kosa kata <u>umum</u>. - o Ejaan dan tanda baca <u>masih</u> betul. - o Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - o Laras bahasa sesuai dengan tugas. - o Penggunaan unsur bahasa <u>masih</u> bervariasi. - o Gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. - o Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan masih sesuai, - o Wacana masih lengkap.
MEMUASKAN 36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	- o Idea <u>masih</u> relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. - o Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. - o Penggunaan kosa kata <u>umum</u> dan terhad. - o Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - o Ayat kurang gramatis. - o Laras bahasa kurang sesuai. - o Penggunaan unsur bahasa <u>kurang</u> bervariasi. - o Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. - o Pengolahan kurang menarik. - o Wacana masih / kurang lengkap.

KURANG MEMUASKAN 21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	- o Idea <u>masih</u> relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. - o Penggunaan kata kurang tepat. - o Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - o Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. - o Unsur bahasa tidak bervariasi. - o Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. - o Pengolahan tidak menarik. - o Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak sembiang.
PENCAPAIAN MINIMUM 01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	- o Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. - o Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. - o Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - o Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. - o Pengolahan tidak menarik. - o Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak sembiang serta tidak sesuai. - o Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

4.0 CARA MENANDA KESALAHAN ISI, EJAAN DAN TANDA BACA

- () - Kesalahan isi
- _____ - Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / - Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // - Kesalahan ejaan yang berulang
- - Kesalahan tanda baca

5.0 CARA MENULIS MARKAH

**SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2011
TINGKATAN 5**

BAHAGIAN A :

Huraikan langkah-langkah merealisasikan gejala buli sifar di sekolah

1. Pendidikan agama
2. Peranan media massa
3. Peraturan yang tegas
4. Kempen kesedaran

NOTA :

Isi-isi lain yang diberi boleh diterima tetapi mesti ada sekurang-kurangnya satu isi daripada bahan rangsangan yang diberi.

BAHAGIAN B :

- 1 *Kelulusan akademik semata-mata tidak lagi menjadi faktor penentu kejayaan seseorang pelajar setelah mereka meninggalkan institusi pendidikan formal.*

Berikan pandangan anda tentang kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar sebagai pelengkap diri untuk memasuki alam pekerjaan.

a. Format - tiada

b. Cadangan Idea : kemahiran-kemahiran yang diperlukan seperti;

- i) Kemahiran dalam bidang tertentu, elektrik, elektronik, teknikal
- ii) Menguasai kemahiran ICT / komputer
- iii) Kemahiran komunikasi / berbahasa
- iv) Kemahiran dalam agama
- v) Kemahiran / berpengetahuan luas dalam bidang kerjaya pilihan
- vi) Kemahiran bersosial – senang didekati, bersifat terbuka, boleh bertolak ansur
- vii) Kemahiran bahasa / pelbagai bahasa
- ix) Kemahiran berbahasa

2. *Keberkesanan peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam sesebuah institusi kekeluargaan mampu menangani masalah disiplin dalam kalangan remaja.*

Bincangkan.

a. **Format:** Tiada

b. **Cadangan Idea :** Peranan ibu bapa dalam menangani masalah disiplin remaja

- i) Peranan memberi pendidikan akademik
- ii) Peranan memberi pendidikan agama/moral
- iii) Peranan memberi remaja mencari kawan
- iv) Peranan memberi keperluan anak-anak/material/sahabat
- v) Peranan membimbing cara bergaul

3. *Anda mendapati sungai-sungai di Malaysia masih dalam keadaan yang tercemar. Sehubungan dengan itu, anda selaku pegawai alam sekitar terpanggil untuk menyampaikan sebuah ceramah. Tajuk ceramah tersebut ialah Peranan Masyarakat Dalam Memulihara Sungai-Sungai di Negara Kita.*

Sediakan teks ceramah tersebut selengkapnya.

a. **Format:** Berformat

- kata alu-aluan - 1m
- kata sapaan - 1m
- kata penutup (terima kasih) - 1m

(maksimum potongan markah - 2m)

b. **Cadangan Idea :** Peranan masyarakat....

- i) Mengadakan gotong-royong membersihkan sungai
- ii) Menanam pokok
- iii) Menjadikan sungai sebagai tempat rekreasi
- iv) Mengadakan pertandingan sungai terbersih
- v) Mengadakan ceramah tentang kepentingan sungai
- vi) Membuat laporan /aduan kpd pihak berkuasa jikalau ada perbuatan khianat kepada sungai

4. *Program Pertukaran Pelajar antara negara mendatangkan pelbagai faedah kepada pelajar dan negara yang terlibat.*

Huraikan faedah-faedah tersebut.

a. Format : Tiada

b. Cadangan Idea :

faedah kepada pelajar

- i) Kemahiran berdikari
- ii) Kemahiran penguasaan pelbagai bahasa
- iii) Kemahiran komunikasi
- iv) Silang budaya

faedah kepada negara

- i) Faedah ekonomi
- ii) Faedah hubungan diplomatik
- iii) Faedah pelancongan
- iv) Silang budaya

5. *Karya kesusasteraan Melayu mampu melahirkan generasi yang mempunyai semangat patriotik di negara ini.*

Berikan ulasan anda.

a. Format : Tiada

b. Cadangan Idea :

- i) memahami tokoh / mencintai tokoh tanah air
- ii) mengambil iktibar tentang perjuangan pejuang tanah air
- iii) menginsafi kesukaran semasa penjajahan
- iv) sayang akan tanah air
- v) sanggup memartabatkan tanah air
- vi) kewujudan hubungan / perpaduan demi keharmonian negara
- v) Bertolak ansur

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

1103/2
BAHASA MELAYU / P
Kartaa 2
September 2011
2 ½ jam

BAHASA MELAYU

Kertas 2

TINGKATAN 5

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponan Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat sebelah

Soalan 1: Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha ke arah pelaksanaan Dasar 1Murd 1Sukan dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan tersebut. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sebaik-baik sahaja sesi persekolahan 2011 bermula, gagasan dan rancangan transformasi pendidikan yang meliputi dasar satu murid bergiat dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan mula dilaksanakan yang dikenali sebagai Dasar 1Murd 1Sukan (1M1S). Dasar ini bertujuan mengembalikan kecermerlangan sukan di sekolah di Malaysia, dan dapat meningkatkan semangat persalingan yang sihat. Selain itu aktiviti sukan juga dapat merapatkan hubungan dan meningkatkan persefahaman antara kaum, seterusnya boleh mewujudkan semangat 'esprit de corps' iaitu saling membantu antara satu sama lain.

Dari segi pelaksanaannya, Kementerian Pelajaran mengingatkan pihak pentadbir sekolah bahawa pelaksanaan dasar 1M1S mulai tahun 2011 adalah diiktisaskan untuk murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan. Mereka juga hendaklah wajib didaftarkan untuk mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan yang ditawarkan oleh pihak sekolah. Pihak sekolah hendaklah membuat perancangan bagi pengurusan aktiviti sukan di sekolah secara sistematis supaya dapat meningkatkan penyertaan dan membantu dalam *perkembangan potensi* setiap murid dalam bidang sukan. Seterusnya pihak sekolah hendaklah mengoptimalkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran yang sedia ada di sekolah. Selain itu pihak sekolah perlu memastikan kawasan persekitaran sekolah mestilah kondusif dengan mengutamakan keselamatan murid.

Perkara lain yang diambil kira ialah pihak sekolah digalakkan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan agensi atau pihak luar bagi program pembangunan sukan di sekolah. Selain itu, pihak sekolah hendaklah memastikan aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun. Menurut Menteri Pelajaran, pejabat yang terlibat dalam 1M1S akan diberi bantuan pakatan. Walau bagaimanapun bantuan pakatan itu akan dimulakan di peringkat sekolah rendah terlebih dahulu. Bagi melancarkan perancangan sukan di sekolah kerajaan perlu menubuhkan bahagian sukan secara berasingan serta memasukkan elemen sukan dalam Standard Kualiti Kementerian Pelajaran Malaysia. Sehubungan dengan itu, lima Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah dikenal pasti bagi melatih guru-guru sukan.

Dasar mengembalikan sukan di sekolah-sekolah bukanlah satu perkara yang baharu, tetapi hanya untuk meneruskan dasar yang telah dilakukan dahulu. Di samping itu dasar tersebut juga bertujuan membawa balik budaya yang telah dilupakan akibat penekanan yang ketenteraan terhadap pencapaian akademik sehingga mengabaikan pencapaian dalam bidang sukan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
Pelaksanaan Dasar 1Murd 1Sukan,
Oleh Haji Samat Bin Buang
Fokus SPM, Februari 2011)

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) **Apakah maksud rangkai kata *perkembangan potensi*. [2 markah]**
- (ii) **Apakah tujuan Dasar 1 Murid 1 Sukan diperkenalkan pada tahun 2011? [3 markah]**
- (iii) **Pada pendapat anda, apakah kepentingan bersukan kepada para pelajar?
Kemukakan tiga kepentingan bersukan. [4 markah]**

[Lihat sebelah

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku masih ingat waktu itu ibu pun mengamuk juga. Dia marah sangat kepada Ceper sampai menyumpah-nyumpah kerana habis padi buntingnya mati lemas. Ibu menjerit pada bapa yang sejak pagi meninggalkan rumah untuk naik ke bukit berdenak ketitir.

Sebelum itu ibu tidak pernah berleter apa-apa, malah ibu bagai takut pada bapa yang telah menjadi kaki burung ketitir itu hingga semua hal rumah dan keluarga diserahkan bulat-bulat kepada ibu. Tetapi siang itu, sebelum bapa melangkah pergi bersama-sama denak rajanya, ibu menjerit. Nyaring betul suara ibu.

"Orang tak sedar diri. Tak tahu tanggungjawab. Air bah habis buruh padi kita, awak masih cengkuih ketitir. Suami apa macam nil"

Mungkin suara ibu macam suara air Ceper yang memukul dan membedal tebing hingga runtuh tanah-tanah, hingga terbongkeh perdu-perdu buluh yang mengapuk tebing.

Aku masih ingat lagi. Bapa dengan mudah sangkut kembali sarang denaknya ka paku di conggeh dan terus randuk banjir masuk ka dalam petak baruh untuk menolong ibu yang bergelumang dengan air keruh dan sampah sarap. Tetapi bapa tidak boleh buat apa-apa juga. Himbausan air Ceper kuat sangat sehingga bapa sendiri beberapa kali terkial-kial jatuh.

Ceper terus menggila dan mengamuk juga sehingga seluruh anak buah kampung kami menjadi papa kedana tahun ini. Bapa kemudian kembali kepada ketitir juga, tetapi setiap kali bapa pulang dari rimba belantara berdenak burung, bapa pulang membawa gadung seguni dua. Tahun ini kami makan gadung itulah kerana padi habis jahanam kerana sungai Ceper betul-betul mengamuk.

(Dipetik daripada
cerpen 'Ibu dan Ceper'
oleh Shahnnon Ahmad
dalam antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan perkara yang diingati oleh penulis yang terdapat dalam petikan di atas.
[2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda jelaskan peranan yang boleh dilakukan oleh remaja dalam membalas jasa ibu mereka.
[3 markah]

- (iii) Huraikan satu nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan satu nilai kemanusiaan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

[Lihat sebelah

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka bertitahlah Sultan Raja Sulaiman kepada Opu Daeng yang berlima bersaudara itu, "Kerana saya ini hendak minta tolong benar-benar, seboleh-bolehnya hal kesakitan saya semua orang Riau ini oleh orang Siak. Dilanggarnya, *kemudian ditaruhnya di bawah perintah*, kebesaran di Riau sekaliannya dibawanya pulang ka Siak, seperti bedil kerajaan Lalila Majnun, serta dengan gendaga emas dan periuk emas, dan puan emas dan sekaliannya kerajaan dibawanya. Dan saudara saya perempuan dibawanya ke Siak, dirampasnya, dibuatnya bini olah Yang Amtuan Raja Kecil, itulah ibunya Yang Amtuan Raja Bunga.

Syahadan maka menyahut Opu Daeng yang berlima bersaudara itu, berkhabar kepada Yang Amtuan Raja Sulaiman, "Dan jikalau mahu kita berjanji betul-betul cakap, saya menolong. *Insya-Allah*, seboleh-bolehnya saya tolong, dengan kuasa daripada Allah Yang Amtuan Raja Sulaiman menjadi Yang Amtuan Besar.

(Dipetik daripada
Hikayat Opu Daeng Menambun,
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *kemudian ditaruhnya di bawah perintah*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tiga perkara yang menyebabkan Sultan Raja Sulaiman meminta pertolongan daripada Opu Daeng lima bersaudara. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Opu Daeng lima bersaudara, apakah tindakan yang akan anda lakukan setelah mendengar titah Sultan Raja Sulaiman itu? Berikan tiga cadangan. [3 markah]

[Lihat sebelah

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kecak – (V)

1

seorang pengarah
membuka akaun semasanya
di sebuah bank temama
tetapi dalam diam
dia mencantumkan kemiskinan
orang lain
ka dalam amanahnya
yang telah lama pecah.

2

di kampung
seorang petani
membuka akaun kemiskinannya
di ruang kedaifan
dan mengunci sedozen anak-anaknya
di dalam pagar sengsara
tetapi dia tidak pernah mencantumkan
kekayaan orang lain
ke dalam getimya
yang sudah lama
berumbl.

3

di pantai
seorang nelayan
membuka akaun sengsaranya
di rahang laut temganga
dan mengurung sederet anak-anaknya
di bawah pusaran nasib
tapi dia tidak pernah mengumpul
kesenangan orang lain
ka dalam kegusarannya
yang telah sekian musim
berlumut
di papan hidupnya.

[Lihat sebelah

4

Tuhan tidak pernah mungkir
mencatatkan setiap angka
dan nilai hitungnya paling kecil
ke dalam akaun-Nya
di rumah keadilan.

Awang Abdullah
Antologi Dirgahayu Bahasa,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Gambarkan kehidupan petani dalam rangkap kedua dalam sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara untuk meningkatkan taraf hidup petani?
Berikan tiga cadangan anda. [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua latar masyarakat yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

[Lihat sebelah

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

i

- (i) asal usul
- (ii) adat resam
- (iii) amal ibadat
- (iv) hak milik
- (v) atur cara
- (vi) reka bentuk

[6 markah]

- (b) *Tulis petikan di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikahandaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.*

MAN : Tuk...tuk... orang jumpa mayat lagi. Orang jumpa mayat. Mayat itu besar, tuk.

PAK MAN : Di mana, Man?

MAN : Tepi pantailah, tuk. Marilah tengok mayat tu. Mari tuk.

PAK MAN : Mayat orang Malayu atau orang Cina?

MAN : Bukan, tuk.

PAK MAN : Kalau bukan, mayat siapa? India kot?

MAN : Bukanlah, tuk. Ini mayat ikan dugong besar, tuk.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan batulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kedudukan politik dan ekonomi negara merupakan alemen penting dalam usaha untuk memantap sektor pelancongan negara
- (ii) Penambah kepada alternatif sedia ada, ibu-bapa turut bergembleng tenaga memberi pendidikan secukupnya kepada anak-anak bagi memabendung masalah itu dari akar umbi.
- (iii) Dalam menungkah arus globalisasi, manusia berlumba-lummaan mengajar kemewahan dunia yang tiada sempadan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Walaupun eibuk, Haenoi tetap mengulang kaji pelajaran oleh kerana banyak isu yang belum dikuasainya.
- (ii) Pengedar dadah itu ditangkap oleh polis sementara dia sedang tidur di rumah temannya yang tidak tahu apa.
- (iii) Rendang itu telah dimasak oleh saya malam tadi kerana emak mentua saya akan balik ka rumah saya petang nanti.

[6 markah]

(a) *Beri maksud setiap peribahasa di bawah ini.*

- (i) Ular menyusur akar tak akan hilang bisanya.
- (ii) Nasi sudah menjadi bubur
- (iii) Saperti api di dalam sekam

[6 markah]

[Lihat sebelah

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Afza Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (ii) Papa ... Akhirnya Kau Tewas karya Deana Yusof
- (iii) Rerayah karya Gunawan Mahmood
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Interlok karya SN Abdullah Hussain
- (vi) Kabus di Perbukitan karya Muhamad Kholid Hamzah
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan


- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua keistimewaan perwatakan watak utama.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang memaparkan persoalan kasih sayang dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Mei 2011
2 ½ jam

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 2

TINGKATAN 5

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Cawangan Pahang**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Markah penuh ; 110 markah.

Soalan 1: Rumusan

Markah penuh 30 markah dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) bahasa - 10 markah

(a) ISI [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan:
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
-nama khas
-perkataan berganda / berulang
-penggunaan kata sendi 'di' dan 'ke'
-tarikh
-angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
-gelaran
- (ii) **Kira dan tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Isi									Markah
i) Pendahuluan										2
ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
iv) Penutup										2
Jumlah markah										20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan

Petikan membincangkan langkah-langkah / strategi / cara-cara / usaha-usaha / tindakan-tindakan ke arah pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan di Malaysia. (2m)

Isi Tersurat (4 hingga 12 markah)

Usaha-usaha ke arah pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan

1. Pihak sekolah hendaklah membuat perancangan bagi pengurusan aktiviti sukan di sekolah secara sistematik.
2. Pihak sekolah hendaklah mengoptimumkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran yang sedia ada.
3. Memastikan bahawa kawasan sekolah mestilah kondusif dengan mengutamakan keselamatan murid.
4. Pihak sekolah digalakkan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan agensi atau pihak luar bagi program pembangunan sukan.
5. Pihak sekolah hendaklah memastikan aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun.
6. Pelajar yang terlibat akan diberi bantuan pakaian.
7. Kerajaan menubuhkan Bahagian Sukan secara berasingan.
8. Kerajaan memasukkan elemen sukan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia.
9. Lima Institut Pendidikan Guru Malaysia dikenal pasti bagi melatih guru sukan.

1 Isi = 2 markah

Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)

Masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan tersebut.

1. Tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa.
2. Pelajar lebih mementingkan akademik daripada bersukan.
3. Kekangan masa untuk melaksanakan aktiviti sukan.
4. Kekurangan tenaga pakar dalam pelbagai bidang sukan.
5. Kos penyelenggaraan kemudahan / peralatan yang tinggi.
6. Tiada sokongan daripada agensi luar / swasta.
7. Masyarakat menganggap bidang sukan tidak menjamin masa depan.

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai.)

1 Isi = 2 markah

Kesimpulan (2 markah)

Kesimpulannya pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan perlu diberi perhatian oleh semua pihak demi melahirkan masyarakat yang berkualiti / cemerlang / berwawasan.

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 - 17	9 – 10 7 - 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan / ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 - 6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum ; 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : 9 markah
- Soalan 2 (b) : 9 markah
- Soalan 2 (c) : 8 markah
- Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

- 1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
- 2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna
- 3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugas dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis -Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a) - Petikan umum

(i) Maksud

- peningkatan / peluasan kebolehan / bakat

[2 markah]

(ii) Tujuan dasar Satu Sukan Satu Murid diperkenalkan

- Mengembalikan kecemerlangan sukan di sekolah.
- Meningkatkan semangat persaingan yang sihat.
- Merapatkan hubungan dan persefahaman antara kaum.
- Mewujudkan semangat 'esprit decorp' iaitu saling membantu antara satu sama lain.

[3 markah]

iii) Tiga Kepentingan bersukan kepada para pelajar.

- Memupuk semangat kesukanan dalam kalangan pelajar.
- Menerapkan nilai-nilai kepimpinan.
- Menaikkan nama sekolah.
- Memenuhi syarat sebanyak 10% markah kokurikulum.
- Melahirkan pelajar yang berdisiplin / patuh pada arahan / taat kepada ketua.
- Memupuk semangat kerjasama dalam kalangan pelajar.
- Melahirkan pelajar yang aktif / sihat.

[4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

- (i)
- Ibu mengamuk marah kepada Ceper kerana padi buntingnya matin lemas.
 - Ibu menjerit kepada bapa kerana sejak pagi naik ke bukit berdenak ketitir.
 - Bapa menyangkut kembali sarang denaknya ke paku dan terus menolong ibu di sawah..

[2 markah]

(ii) Peranan yang boleh dimainkan oleh remaja dalam membalas jasa ibu mereka.

- Taat kepada ibu / dengar nasihat / tidak berkasar
- Sentiasa menghubungi ibu ketika berjauhan.
- Mengirimkan wang setiap bulan / menyediakan keperluan ibu.
- Menghantar ibu menunaikan fardhu haji / umrah.
- menyediakan tempat tinggal yang selesa

[3 markah]

(iii) **Satu** nilai kemanusiaan dalam petikan cerpen.:

- Tanggungjawab.

Contoh :

Bapa tidak bertanggungjawab terhadap keluarga iaitu selalu meninggalkan rumah untuk berdenak ketitir.

- Kegigihan.

Contoh.

Berusaha menyelamatkan padi buntingnya daripada ditenggelami air.

Satu nilai kemanusiaan yang tidak terdapat dalam petikan.

- kasih sayang.
Contoh :
Penulis sanggup memangku ibunya yang lumpuh ketika ibunya itu hendak membuang air.
- Kerajinan
Contoh.
Ibu rajin mengerjakan sawah / menolong orang kampung / mengendalikan kenduri.

[4 markah]

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik

- (i) Maksud rangkai kata
telah diperintah / ditakluk oleh Siak
- (ii) Perkara yang menyebabkan Sultan Raja Sulaiman meminta pertolongan
 - Negaranya ditakluk oleh orang Siak
 - Segala kebesaran di Riau telah dibawa ke Siak
 - Saudara perempuannya dibawa ke Siak
 - Saudara perempuannya dijadikan isteri oleh Yang Amtuan Raja Kecil

[2 markah]

- (iii) Tindakan yang akan dilakukan
 - Meminta pertolongan dari negara lain
 - Berbincang dengan pemerintah Siak / rundingan.
 - Menyerang Siak / melanggar Siak
 - Membina kubu pertahanan
 - Menggunakan khidmat orang tengah.

[3 markah]

[3 markah]

Soalan 2(d) : Sajak

- (i) Kehidupan petani
- pendapatan sedikit/miskin/daif
 - tidak pernah menggunakan titik peluh orang lain/ berdikari
 - terpaksa menyara seramai 12 orang anak.

[2 markah]

- (ii) Cara

- Memberi bantuan modal / subsidi
- Menubuhkan koperasi nelayan
- Memberikan biasiswa kepada anak-anak petani
- Mengadakan kursus penggunaan teknologi moden
- Memberi khidmat nasihat
- Mengadakan tanaman berkelompok

[3 markah]

- (iii) Dua pengajaran

- Kita hendaklah amanah dalam menjalankan tugas.
- Kita hendaklah gigih berusaha walaupun mengalami kesusahan.
- Seorang bapa hendaklah mencari rezeki yang halal.
- Kita hendaklah reda atas ketentuan tuhan.

[4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagi kepada:

- Soalan 3 (a) : **6** markah
- Soalan 3 (b) : **6** markah
- Soalan 3 (c) : **6** markah
- Soalan 3 (d) : **6** markah
- Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan
3. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a)

(a) Binaan ayat

- (i) **Asal usul**
 - a. salasilah
 - b. asal keturunan
 - c. peringkat awal atau permulaan
- (ii) **Adat resam**
 - aturan yang biasa / pembawaan.
 - kebiasaan, sifat, tabiat
- (iii) **Amal ibadat**
 - perbuatan mengerjakan perkara-perkara yang diwajibkan oleh ajaran agama
- (iv) **Hak milik**
 - kekuasaan untuk memiliki sesuatu
- (v) **Atur cara**
 - jadual pelbagai acara yang telah ditetapkan
- (vi) **Reka bentuk**
 - rancangan (corak, bentuk) yang menunjukkan susunan, struktur atau aspek-aspek sesuatu.

[6 markah]

Jawapan 3 (b)

(b) Cakap ajuk kepada cakap pindah.

- (i) Man memberitahu Pak Man bahawa dia menjumpai mayat lagi. Dia menjelaskan bahawa mayat itu besar.
- 2) Pak Man ingin mengetahui tempat mayat itu dijumpai oleh Man
- 3) Man menjelaskan bahawa mayat itu dijumpai di tepi pantai serta dia mengajak Pak Man untuk melihat mayat tersebut.
- 4) Pak Man ingin mengetahui sama ada mayat tersebut Melayu atau Cina.
- 5) Man menafikan .
- 6) Pak Man ingin kepastian mayat tersebut mungkin mayat orang India
- 7) Man menafikan dan menjelaskan bahawa mayat itu ialah mayat ikan dugong yang besar.

[6 markah]

Jawapan 3 (c) Kesalahan ejaan dan imbuhan.

- | | | |
|------|-----------------------------|---------------------------------|
| (i) | kedudukan
memantap | – kedudukan
– memantapkan |
| (i) | ibu-bapa
bergembleng | – ibu bapa
– menggembleng |
| (ii) | menungkah
berlumba-lumba | – menongkah
– berlumba-lumba |

[6 markah]

Jawapan 3 (d) Kesalahan penggunaan kata, istilah atau tatabahasa

- | | | |
|-------|----------------------------|--------------------------|
| (i) | Oleh kerana
Isu | – oleh sebab
– tajuk |
| (ii) | sementara
apa | – ketika
– apa-apa |
| (iii) | Dimasak oleh saya
Balik | – saya masak
– datang |

[6 markah]

Jawapan 3 (e) Peribahasa

- (i) orang besar dan mulia itu, tidak hilang martabatnya jika dia merendahkan diri sekalipun
- (ii) sudah terlanjur dan tidak boleh dibetulkan lagi
- (iii) kejahatan yang tersembunyi

[6 *markah*]

Soalan 4 : Novel
Markah penuh : 15 markah

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- (a)
- i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 - iii) Beri 2 markah bagi setiap sebab yang lengkap/jelas
 - iv) Beri 1 markah bagi sebab yang kurang lengkap/kurang jelas
 - v) Markah isi maksimum 4 markah
 - vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
 - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah

- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[markah maksimum 7 markah]

- (b)
- i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 - iii) Beri 1 markah untuk satu persoalan bagi setiap novel
 - iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian/peristiwa yang lengkap/jelas bagi setiap novel
 - v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
 - vi) Markah bahasa maksimum 2 markah
 - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 - ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[maksimum : 8 markah]

Soalan 4

(a) Keistimewaan perwatakan watak utama dalam novel

(i) Novel Renyah karya Gunawan Mahmood

(a) Seorang bapa yang bertanggungjawab

- Datuk Dolhi bertanggungjawab memberi nafkah kepada anaknya Wahi

(b) Seorang usahawan yang gigih

- Datuk Dolhi gigih mengusahakan perniagaan syarikatnya

(c) Seorang yang mencintai ilmu

- Datuk Dolhi rajin membaca buku dan menyampaikan ceramah

(d) Seorang bapa yang penyayang

- Datuk Dolhi menyayangi anak-anaknya walaupun anak-anaknya menimbulkan banyak masalah

(ii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd Talib Hassan

(a) Seorang pemuda yang berani

- Bujei berani menuntut ganti rugi radionya yang dirosakkan oleh Alias

(b) Seorang pemuda yang penyayang

- Bujei berusaha menyelamatkan ibunya ketika rumahnya terbakar

(c) Seorang pemuda yang rajin

- Bujei suka menolong penduduk kampung melakukan sebarang pekerjaan

(b) Persoalan kasih sayang dalam novel

(i) Novel Renyah karya Gunawan Mahmood

- (a) Kasih sayang seorang bapa terhadap anak
 - Datuk Dolhi sanggup menghantar Dani ke pusat pemulihan
- (b) Kasih sayang terhadap alam sekitar
 - Ilham menentang aktiviti pencerobohan hutan/ pembalakan
- (c) kasih sayang seseorang terhadap keluarga
 - Datin Tominah sentiasa di samping suaminya dalam apa-apa jua situasi

(ii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd Talib Hassan

- (a) Kasih sayang seorang anak terhadap ibu
 - Bujei amat menyayangi ibunya sehingga berusaha menyelamatkan ibunya dalam kebakaran tetapi gagal
- (b) Kasih sayang sesama manusia
 - Adila berusaha mengubah perwatakan Bujei supaya menjadi manusia yang normal
- (c) Kasih sayang terhadap hak milik sendiri
 - Bujei mempertahankan harta pusaka peninggalan ibunya/radio miliknya

Isi = 6 markah
Bahasa = 2 markah
Maksimum = 8 markah

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT